



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) 2022-2025



BLANK

INSIDE COVER



PELAN **ANTI RASUAH** ORGANISASI (OACP)

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) 2022-2025





© UNIT INTEGRITI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Pindaan Pertama Tahun 2023

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَأْكُلُواْ أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطِلِ وَتُنْدُلُواْ بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُواْ
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

[Surah Al-Baqarah 2: 188]

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) selaras dengan objektif OACP Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) dan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan bagi mencapai aspirasi nasional ‘Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah dan berintegriti’. Pelan ini mampu direalisasikan secara efektif dan efisien melalui dedikasi yang tinggi dalam tadbir urus dan budaya integriti dalam kalangan warga Majlis secara menyeluruh. Sehubungan itu, dengan visi menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah. Pembangunan OACP MBPJ diharap berupaya membantu membentuk warga MBPJ yang berperibadi terpuji, berintegriti dan bebas rasuah.

AMANAT DATUK BANDAR PETALING JAYA





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berjaya membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2022-2025 yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Saya berbesar hati dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama yang erat daripada warga MJPB dalam usaha menyahut seruan Perdana Menteri selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan*) yang telah dilancarkan pada awal tahun 2019 dan menyahut perlaksanaan pelan ini di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Matlamat pelan ini juga adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional iaitu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus menghapuskan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dihasilkan dengan komitmen berterusan dari kesemua jabatan dan unit di bawah MJPB untuk memperkuatkannya tadbir urus, integriti dan anti rasuah di kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif sepertimana yang digariskan di bawah pelan tersebut.

Sebanyak 50 Pelan Tindakan daripada 4 bidang keutamaan telah dikenal pasti dalam membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MJPB. Justeru, dengan adanya OACP MJPB ini, seluruh warga kerja diseru untuk bersama-sama memastikan pengurusan pentadbiran MJPB bebas daripada amalan rasuah. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik bagi melahirkan warga MJPB yang berintegriti dan mendapat kepercayaan semua pemegang taruh.

Melalui penyeliaan OACP ini, kita perlu peka dan sentiasa memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang telah ditetapkan. Setiap fokus itu mempunyai kepelbagai aktiviti dan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan *outcome* dan

impak keberhasilan yang signifikan. OACP 2022-2025 ini akan menjadi wadah dan manifestasi oleh warga kerja MBPJ terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab dan memberikan komitmen penuh dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya agar kita sama-sama dapat menghayati setiap inti pati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzahirkan setiap teras serta strategik yang telah dirancang bagi memacu MBPJ ke arah bandar raya pintar yang sentiasa progresif, responsif dan berdaya saing.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR, J.M.N., K.M.N., D.S.M.

Datuk Bandar Petaling Jaya

ISI KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	2
Amanat Datuk Bandar Petaling Jaya	3
1. PENGENALAN	7
1.1 Latar Belakang MBPJ	8
1.2 Carta Organisasi MBPJ	10
1.3 Misi, Visi, Prinsip dan Nilai MBPJ	11
1.4 Keperluan Pembangunan Pelan OACP	12
2. ANALISIS	13
2.1 Analisa Data bagi Aduan Integriti (2016 - 2021)	14
2.2 Analisa Data Laporan Kes-Kes Tatatertib	16
2.3 Analisa Data Berkaitan Soal Selidik Berkaitan Rasuah, Governans dan Integriti di Majlis Bandaraya Petaling Jaya	17
2.4 Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Majlis Bandaraya Petaling Jaya	20
2.5 Analisa-Analisa Risiko	23
3. KERANGKA OACP MBPJ	25
3.1 Carta Organisasi OACP MBPJ	27
3.2 Misi dan Visi OACP MBPJ	28
3.3 Objektif OACP MBPJ	29
3.4 Bidang Keutamaan OACP MBPJ	30
3.5 Strategi dan Objektif Strategik OACP MBPJ	31
3.6 Inisiatif dan Pelan Strategik OACP MBPJ	32
4. TADBIR URUS OACP MBPJ	43
4.1 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	44
5. PENUTUP	45
Glosari	47

BAB 1

Pengenalan



1.1 LATAR BELAKANG MBPJ

Pada awal tahun 50-an, Kuala Lumpur telah mengalami kesesakan akibat pertambahan penduduk yang terlalu pesat dan banyak setinggan wujud di kawasan pinggir Kuala Lumpur. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenalpasti “*Effingham Estate*” iaitu tanah kebun getah seluas 1,200 ekar di Jalan Klang Lama bagi mewujudkan sebuah penempatan baru yang dikenali Petaling Jaya.


Pihak yang diberi kepercayaan untuk mengurus tadbir penempatan baru ini diserahkan kepada Pegawai Daerah Kuala Lumpur dan Lembaga Petaling Jaya sebelum diambil alih oleh sebuah badan berkanun iaitu *Petaling Jaya Authority* pada penghujung tahun 1954.

Petaling Jaya melakar sejarah baru pada 1 Januari 1964 apabila Negeri Selangor mewartakan sebuah Lembaga Bandaran yang memiliki autonomi kewangan untuk mentadbir bandar ini.


Pada 1 Januari 1977, Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah dinaikkan tarafnya kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berikutan penggubalan Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh kerajaan. Pada 20 Jun 2006, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah dinaik taraf sebagai Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Kini kawasan pentadbiran MBPJ berkeluasan 97.2 kilometer persegi, kian pesat membangun. Petaling Jaya mempunyai jumlah penduduk lebih 619,925 orang dan bilangan pegangan harta sebanyak 217,930. Petaling Jaya kini dikenali sebagai pusat pertumbuhan yang terunggul di Negeri Selangor.

Pentadbiran Majlis terdiri daripada 25 orang Ahli Majlis dan diketuai oleh seorang Datuk Bandar. Ahli Majlis adalah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Datuk Bandar adalah seorang pegawai Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh pentadbiran negeri selepas mendapat persetujuan Menteri Besar. Datuk Bandar bertugas sepenuh masa dibantu oleh seorang Timbalan Datuk Bandar dan Ketua-ketua Jabatan dalam menetapkan dan melaksanakan visi, misi, dasar kualiti, objektif dan aktiviti Majlis. Majlis meluluskan draf undang-undang Majlis dan membentuk polisi-polisi untuk dilaksanakan oleh jabatan. Dalam melaksanakan tugasnya, beberapa jawatankuasa Majlis telah diwujudkan.



1.2 CARTA ORGANISASI MBPJ



1.3 MISI, VISI, PRINSIP DAN NILAI MBPJ



1.4 KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN OACP

Pembangunan OACP MBPJ adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) di bawah Strategi 2: Memperkuat Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan. Pelan ini mengandungi tindakan yang menyeluruh dan bersepada dalam usaha membanteras rasuah dan memperkuatkan integriti di MBPJ. Pelan ini mampu menjadi penanda aras yang berpotensi dalam membantu MBPJ mengenalpasti, menganalisa, merancang, melaksana dan memantau tindakan bagi menangani isu rasuah di kalangan warga kerja Majlis. Pelaksanaan ini seiring dengan landasan kerajaan dan PSUK Negeri Selangor dalam membendung kes-kes berkaitan rasuah yang wajar dilaksanakan bagi mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan warga kerja Majlis dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan. Impak dan kesan rasuah telah membuktikan bahawa kerosakan yang terjadi memberi kesan yang mendalam kepada institusi dan pertumbuhan negara amnya.

Secara ringkasnya, pembangunan OACP diperlukan bagi memupuk nilai berintegriti, akauntabiliti dan kompetasi dalam kalangan warga kerja Majlis. Justeru, pembangunan pelan OACP ini akan dapat memastikan pembangunan organisasi yang bebas rasuah.

BAB 2

Analisis



Dalam fasa pembangunan OACP MBPJ, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Data-data yang dikumpul dan digunakan merangkumi aduan awam, aduan integriti, kes-kes tatatertib, dan soal selidik melibatkan warga kerja MBPJ. Pelan *Corruption Risk Management* (CRM) MBPJ turut dirangka melibatkan semua jabatan dan unit di bawah MBPJ bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan rasuah di MBPJ Selanjutnya, hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap jabatan dan unit-unit yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP, risiko-risiko berkaitan *governans*, integriti dan anti rasuah di MBPJ yang melibatkan pihak berkepentingan, orang awam dan pemegang taruh telah dikenal pasti melalui soal selidik yang telah digunakan sebagai medium bagi mendapatkan data-data dan maklumbalas daripada kakitangan MBPJ.

Sebagai usaha dalam mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah, tadbir urus dan integriti di MBPJ, Unit Integriti telah melakukan kajian dan analisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu pembangunan Pelan OACP MBPJ.

2.1 ANALISA DATA BAGI ADUAN INTEGRITI (2016 - 2021)


TAHUN	JUMLAH ADUAN	KATEGORI ADUAN				
		RASUAH	SALAH LAKU	SALAHGUNA KUASA	TUNTUTAN PALSU	LAIN-LAIN
2016	17	1	11	2	0	3
2017	22	6	3	5	0	8
2018	18	3	4	2	1	8
2019	26	2	11	1	1	11
2020	24	4	9	2	0	9
2021	26	0	7	3	0	16
JUMLAH	133	16	45	15	2	55

Jadual 1. Statistik Aduan Integriti bagi Tahun 2016 – 2021

Daripada data dalam Jadual 1 di atas, didapati terdapat enam belas (16) aduan (12.03%) berkaitan rasuah telah diterima bagi tempoh 2016 hingga Jun 2021. Bagi kategori aduan berkaitan salah laku pegawai di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Unit Integriti telah menerima sejumlah empat puluh lima (45) atau sebanyak 33.83%, manakala lima belas (15) aduan (11.28%) bagi kategori salahguna kuasa, dua (2) aduan berkaitan tuntutan palsu atau sebanyak 1.50% dan sejumlah lima puluh lima (55) aduan (41.35%) bagi kategori lain-lain telah dilaporkan.

STATISTIK KESALAHAN TATATERTIB KAKITANGAN MBPJ

Jumlah Kes Mengikut Kesalahan



Statistik Kesalahan Tatatertib Kakitangan MBPJ 2016 - 2021

Rajah 1

2.2 ANALISA DATA LAPORAN KES-KES TATATERTIB

KESALAHAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
KETIDAKHADIRAN BERTUGAS	3	3		2	2	2	12
TATACARA PEROLEHAN			1	1			2
KEHILANGAN WANG AWAM		2			1		3
KEHILANGAN ASET			1	1			2
SIJIL CUTI SAKIT PALSU							0
DADAH	1	1	1	1	5		9
SPRM	1					1	2
LAIN-LAIN	3	2				1	6


Jadual 2. Jumlah kes-kes tataterrib mengikut kesalahan bagi tahun 2016 – 2021



Berdasarkan kesalahan-kesalahan di atas, didapati kesalahan atas ketidakhadiran bertugas mencatatkan jumlah tertinggi iaitu dua belas (12) kes bagi enam tahun tersebut, diikuti kes dadah sebanyak sembilan (9) kes dan tiga (3) kes untuk kehilangan aset dan SPRM. Selain itu, terdapat enam (6) kes bagi lain-lain kesalahan. Secara keseluruhan, kes-kes yang diperoleh menunjukkan kadar mendatar bagi kes-kes ketidakhadiran bertugas dan peningkatan bagi kes dadah. Setiap kes yang diperoleh akan disemak, dinilai dan dikenakan hukuman mengikut kadar kesalahan yang dibuat mengikut Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tataterrib) Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1995.

2.3 ANALISA DATA BERKAITAN SOAL SELIDIK BERKAITAN RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI DI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Analisa di bawah merupakan data-data yang diperoleh daripada responden soal selidik berkaitan rasuah, responden dan integriti Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Seramai lebih 400 kakitangan MBPJ dari pelbagai lapisan gred dan pangkat telah mengambil bahagian dan menjawab soal selidik ini dan data-data tersebut dikumpul dan dianalisa. Soal selidik ini dirangka bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga MBPJ mengenai isu rasuah, governans dan integriti di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.


400





Hasil soal selidik mendapati sebanyak 52.4% warga MBPJ terlibat secara langsung dengan pihak berkepentingan, orang awam dan pemegang taruh. Namun begitu, hanya sebilangan kecil iaitu sebanyak 25.10% warga MBPJ berpendapat jawatan dan fungsi mereka terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya rasuah. Dalam

membasmi gejala rasuah, sebanyak 4.9% daripada warga kerja MBPJ pernah ditawarkan atau menerima rasuah oleh seseorang individu berkaitan dengan tugas rasmi. Selain daripada itu, sebanyak 21.30% daripada maklumbalas yang diterima mengatakan tidak tahu akan tuntutan palsu merupakan kesalahan rasuah di mana, jika disabitkan kesalahan, seseorang kakitangan MBPJ boleh diletakkan bersalah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Melalui maklumbalas daripada kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mendapati bahawa kesedaran kakitangan mengenai rasuah, *governans* dan integriti di organisasi MBPJ masih di bawah kesedaran yang optimum mengenai rasuah dan kesalahan-kesalahan yang boleh disabitkan di bawah akta yang sama.



Rajah 6

Daripada hasil soal selidik juga mendapati sebanyak 64 responden atau 18.4% bersetuju bahawa mereka menjalankan tugas dengan tidak mengikut undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, *standard operating procedure* (SOP) dan senarai tugas yang ditetapkan. Lebih membimbangkan, sebanyak 55% atau lebih daripada keseluruhan responden tidak melaporkan tindakan pelanggaran tersebut kepada pihak atasan. Seramai 77.5% kakitangan yang mengisi soal selidik ini tidak mengetahui bahawa sebagai penjawat awam, mereka perlu membuat permohonan menjalankan pekerjaan luar di bawah Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1995 untuk melakukan perkerjaan sampingan.

2.4 SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Audit Nilai merupakan satu proses mengukur amalan nilai murni sesebuah agensi dalam perkhidmatan awam. Maklumat yang diperoleh boleh membantu pasukan audit nilai mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta membantu ketua agensi membangunkan program-program bersesuaian untuk menimbulkan kesedaran, mengukuhkan penghayatan dan mengekalkan amalan nilai pegawai/ kakitangan. Sistem Pengurusan Audit Nilai atau SPAN dijalankan bagi tujuan untuk mengumpul maklumat latar belakang pejabat, program nilai yang telah dijalankan dan juga laporan tahunan jabatan daripada pelbagai sumber. Sistem pengurusan ini juga dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Perlaksanaan SPAN bagi tahun 2019 dan 2020 ditangguh dan tidak dijalankan atas faktor pandemik Covid-19 dan tiada data untuk dipaparkan bagi dua tahun berkenaan. Berdasarkan nilai Komposit yang diperoleh MBPJ bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2021, (rujuk Rajah 7) secara keseluruhannya Indeks Komposit MBPJ berada pada tahap yang baik dan boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

Dalam pelaksanaan SPAN ini, terdapat lima (5) mekanisme yang digunakan bagi mengukur keberkesanannya program iaitu;

1

Rekod Amalan Nilai (rekod daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi Seksyen Kewangan dan Akuan dan Bahagian Komunikasi Korporat);

2

Indeks Nilai Ideal;

3


Indeks Nilai Peribadi;

4


Indeks Nilai Organisasi; dan

5

Rekod Maklum Balas Pelanggan (Edaran Borang Maklum Balas Pelanggan).



SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



Keputusan Sistem Pengurusan Audit Nilai Tahun 2016 ,2017,2018 dan 2021 di MBPJ

Rajah 7

2.5 ANALISA-ANALISA RISIKO

Input-input yang diperoleh daripada analisa aduan, kes-kes tatatertib, soalselidik mengenai *governans*, rasuah dan integriti, dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) MBPJ telah digunakan sebagai tunjang untuk melaksanakan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP). Sesi perbincangan telah dilaksanakan bersama Jawatankuasa OACP MBPJ bagi mengenalpasti bidang keutamaan, menilai dan menganalisa risiko yang wujud dalam organisasi dan menguruskan risiko-risiko tersebut dengan kawalan sedia ada atau menambah inisiatif baru mengatasi risiko berkenaan. Laporan OACP juga dihantar untuk semakan kepada *Malaysia Anti-Corruption Academy* (MACA) bagi mendapatkan pengesahan yang lebih baik mengenai pelan yang telah dirangka.

Berdasarkan analisa-analisa yang dikumpulkan dari 2016 sehingga 2021, sebanyak enam belas aduan (16) berkaitan rasuah dan lima belas aduan (15) berkaitan salahguna kuasa oleh kakitangan MBPJ dari aduan yang diperoleh daripada orang awam dan pihak MBPJ. Tambahan lagi, berdasarkan kesalahan tatatertib terdapat sebanyak dua (2) kes bagi kesalahan tatacara perolehan, tiga (3) kes berkaitan kehilangan wang awam, dua (2) kes mengenai kes kehilangan aset, sembilan (9) kes berkaitan dadah dan dua (2) kes berkaitan SPRM. Selain daripada analisa aduan yang diterima di Unit Integriti dan kes-kes Kesalahan tatatertib, terdapat juga soal selidik yang dirangka bagi mendapatkan pendapat dan mengenal pasti kesedaran kakitangan mengenai *governans*, rasuah dan integriti di organisasi ini. Hasil daripada soal selidik mendapati sebanyak 4.9% kakitangan yang mengisi soal selidik tersebut pernah ditawarkan atau menerima rasuah daripada seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Tambahan lagi, laporan bagi Audit Nilai Tahunan dijadikan ukuran bagi melihat kemampuan organisasi dalam membendung rasuah. Perlaksanaan SPAN bagi tahun 2019 dan 2020 ditangguh dan tidak dijalankan atas faktor pandemik Covid-19 dan tiada data untuk dipaparkan bagi dua tahun berkenaan. Berdasarkan nilai Komposit yang diperoleh MBPJ bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2021, secara keseluruhannya Indeks Komposit MBPJ berada pada tahap yang baik dan boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berindukkan pengurusan dan pentadbiran dalam pelbagai bidang di dalam skala yang besar, adalah menjadi satu kemungkinan peluang untuk transaksi rasuah, tuntutan palsu, salahguna kuasa dan seangkatan dengannya berlaku. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berfungsi untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk dengan memastikan fasiliti, kemudahan dan lain-lain sampai kepada golongan sasaran


dengan sebaiknya. Selain memastikan kualiti dan mutu perkhidmatan mereka pada tahap maksimum, MBPJ juga bertanggungjawab dalam pelbagai bidang termasuk kesihatan dan sanitasi awam, pengurusan dan pembuangan sampah, perancangan bandar, pelindungan dan kawalan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan lalulintas dan penyelenggaraan umum bagi infrastruktur bandar. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merupakan salah satu organisasi yang berstatus berisiko berjaga dan memerlukan mekanisme, inisiatif dan strategik yang komprehensif berterusan dengan penerapan prinsip integriti dalam tadbir urus dan pencegahan bagi mengekang rasuah membabitkan warga kerja MBPJ. Tindakan proaktif kedinamikan dan kelestarian integriti perlu dinilai dari semasa ke semasa seiring inovasi teknologi dan sains pentadbiran bagi memastikan tadbir urus MBPJ berdaya tahan.



BAB 3


Kerangka OACP MBPJ





Rajah 8

3.1 CARTA ORGANISASI OACP MBPJ



Rajah 9

3.2 MISI DAN VISI OACP MBPJ

MISI

Memantapkan prinsip tadbir urus baik, integriti dan anti-rasuah dengan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan di kalangan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya

VISI

Menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah.

3.3 OBJEKTIF OACP MBPJ

1 Memastikan pengurusan dan perkhidmatan yang telus, progresif dan responsif melalui amalan budaya kerja yang unggul dalam tadbir urus MBPJ.

2 Memantapkan sikap dedikasi dan jujur dalam menjalankan amanah berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan bagi mencapai aspirasi negara berintegriti dan bebas rasuah.

3 Memperkuuhkan amalan integriti bagi membendung salah laku dan jenayah rasuah dalam penguatkuasaan dan pelesenan di kalangan warga kerja MBPJ.

4 Memastikan pembangunan projek atau program yang efisien, efektif dan bebas daripada penyelewengan atau kerugian.

3.4 BIDANG KEUTAMAAN OACP MBPJ

TADBIR URUS

Demi mencapai kecemerlangan dalam pengurusan pentadbiran MBPJ, tanggungjawab yang digalas sewajarnya dilaksanakan dengan telus, berhemat dan berakauntabiliti untuk jaminan keberkesanan dan kualiti melalui penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien di samping mengekalkan profesionalisme bagi memenuhi harapan pelanggan dan pihak berkepentingan.

KEWANGAN & PEROLEHAN

Pengetahuan terbaik tentang konsep, operasi dan prosedur dalam bidang ekonomi adalah penting untuk memastikan pengurusan wang dalam situasi khusus. Memandangkan kewangan dan perolehan melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, pelaksanaan yang cekap, telus dan meyakinkan bagi melindungi kepentingan kumpulan sasar harus diberi keutamaan bagi membendung isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pelaksanaannya.

PENGUATKUASAAN & PELESENAN

Kawalan dan penyeliaan yang telus, adil, cekap dan menyeluruh oleh anggota penguatkuasa MBPJ mengikut SOP merujuk kepada perundungan yang perlu dikuatkuasakan memainkan peranan penting dalam memastikan masyarakat terus diberikan perkhidmatan yang sempurna tanpa sebarang pengecualian, ketidakadilan dan ketidaksamaan. Perkhidmatan pelesenan mengutamakan pengeluaran permit atau lesen bagi tujuan membenarkan operasi perniagaan, perkhidmatan atau projek diadakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh MBPJ bagi mengukuhkan kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan menyeluruh.

PEMBANGUNAN

Pengurusan melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi yang merangkumi aktiviti perancangan dan kawalan projek / program memerlukan ketepatan, akauntabiliti dan kesempurnaan selaras dengan pematuhan SOP dan syarat projek / program untuk mencapai matlamatnya dengan efisien dan efektif serta bebas daripada penyelewengan atau kerugian yang mungkin berlaku semasa pelaksanaan projek / program.

3.5 STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK OACP MBPJ



Jadual 3. Strategi dan Objektif Strategik OACP MBPJ

3.6 INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP MBPJ

1. BIDANG KEUTAMAAN 1: TADBIR URUS

STRATEGI	S1	Pengurusan pentadbiran yang berakauntabiliti
OBJEKTIF STRATEGI	OS1	Melaksanakan tadbir urus yang cekap, berkesan dan berintegriti

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT1.	Arahan kerja lebih masa adalah berdasarkan kerja/task force yang diarahkan dari semasa ke semasa. Kawalan melalui senarai semak oleh pegawai penyelia melalui pencapaian kerja yang telah dilaksana sebelum menandatangani borang tuntutan.	Semua jabatan/bahagian dan unit	2022-2025
PT2.	Memastikan penggiliran kakitangan dan jadual bertugas kaunter berkaitan dengan perkhidmatan bayaran awam sentiasa dipatuhi.	(PCAW/BPSKA/ BEP/BSI/ UKK)	2022-2025
PT3.	Melaksanakan bayaran secara atas talian (Cashless) dan bayaran secara atas talian berperingkat di kaunter bayaran.	Unit Teknologi Maklumat	2022-2025
PT4.	Melaksanakan pusingan kerja untuk 3 hingga 5 tahun sekali kepada pegawai/ kakitangan yang berkhidmat di jabatan berisiko tinggi.	Bahagian Sumber Manusia dan Latihan	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT5.	Melaksanakan kursus sekali setahun berkaitan pemerkasaan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan dan Pengurusan aset	Bahagian Sumber Manusia dan Latihan, Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan	2022-2025
PT6.	Melaksanakan semakan audit dalaman ke atas pengurusan stor Kerajaan dan aset setiap tahun.	Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan	2022-2025
PT7.	Meningkatkan kecekapan pengurusan aset melalui proses pendaftaran yang lebih sistematis.	Unit Teknologi Maklumat dan Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan	2023-2025
PT8.	Mewajibkan semua kakitangan yang mengendalikan dokumen terperingkat untuk melaksanakan Tapisan Keselamatan dan menandatangani Aku Janji.	Semua bahagian/jabatan dan unit	2022-2025
PT9.	Mengehadkan akses individu ke atas dokumen sulit jabatan dan unit.	Semua bahagian/jabatan dan unit	2022-2025
PT10.	Melaksanakan taklimat pengukuhan integriti bersama pihak SPRM dan jabatan berkaitan yang berisiko mengikut ketetapan kes.	Unit Integriti	2022-2025
PT11.	Melaksanakan program tahunan berkaitan kesedaran dan pencegahan melibatkan elemen integriti dalam proses kerja.	Unit Integriti dan Bahagian Sumber Manusia dan Latihan	2022-2025
PT12.	Melaksanakan tindakan tata tertib terhadap kesalahan berkaitan rasuah berdasarkan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tata tertib) MPPJ 1995 mengikut ketetapan kes.	Unit Integriti	2022-2025

2. BIDANG KEUTAMAAN 2: KEWANGAN & PEROLEHAN

STRATEGI	S2	Memantapkan pengurusan kewangan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan
OBJEKTIF STRATEGI	OS2	Menambah nilai tinggi kepada ekonomi bandar dan hasil Majlis berasaskan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial dan saksamaan

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT1.	Melaksanakan bengkel tahunan mengenai tatacara berkaitan pengurusan kewangan efektif.	Bahagian Sumber Manusia dan Latihan, Jabatan Perbendaharaan	2022-2025
PT2.	Melakukan semakan tahunan mengejut dan audit dalaman berkaitan pengurusan perolehan dan kewangan.	Unit Audit Dalam	2022-2025
PT3.	Melaksanakan system <i>check & balance</i> (Pelaksanaan proses kewangan yang melibatkan beberapa bahagian bermula daripada awal proses sehingga tamat).	Unit Audit Dalam	2022-2025
PT4.	Melaksanakan kursus perolehan satu (1) tahun sekali kepada semua Jabatan/ Unit di MBPJ (menjurus kepada tatacara perolehan untuk mengawal pecah kecil, tuntutan palsu, pilihan pembekal, lantikan syarikat pembekal dan lain-lain berkaitan perolehan).	Bahagian Sumber Manusia dan Latihan, Pengurusan Aset dan Bekalan	2022-2025
PT5.	Melaksanakan kawalan tambahan terhadap prosedur kerja perolehan tender/sebutharga jabatan.	(BP/BPAB/JKB)	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT6.	Membuat pusingan kerja secara pentadbiran (Pegawai/kakitangan yang menguruskan perolehan dan kewangan).	Semua Jabatan yang melaksanakan perolehan	2022-2025
PT7.	Mengiklankan dokumen tender dan sebutharga kepada semua syarikat yang berkelayakan dan mendaftar dalam sistem tender <i>online</i> .	Unit Teknologi Maklumat	2022-2025
PT8.	Melaksanakan sistem pusingan pelantikan pembekal.	Semua Jabatan yang melaksanakan perolehan	2022-2025

3. BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGUATKUASAAN & PELESENAN

STRATEGI	S3	Memantapkan penguatkuasaan berlandaskan undang-undang dan peraturan serta meningkatkan ketelusan dalam pelesenan
OBJEKTIF STRATEGI	OS3	Memperkuuh kecekapan dan pengamalan profesionalisme yang kompeten dan efisien dalam penyampaian perkhidmatan

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT1.	Menjalankan kursus tahunan pemerkasaan mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam kategori peraturan dan penguatkuasakan undang-undang kecil yang termaktub dibawah punca kuasa Majlis.	(JJKB/JK/ JPSPPA)	2022-2025
PT2.	Menambahbaik semula proses kelulusan kebenaran merancang paparan iklan dengan melibatkan tiga (3) Jabatan (Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Pelesenan).	Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan	2022-2023
PT3.	Membuat pemantauan penguatkuasaan secara berkala terhadap paparan iklan haram melibatkan empat (4) Jabatan (Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatuasaan, Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Pelesenan).	Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan	2022-2025
PT4.	Melaksanakan bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi setiap pelantikan kakitangan baru dan pengisian program kerohanian dua (2) kali setahun.	Unit Integriti	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT5.	Melaksanakan pemantauan dan penyeliaan secara berkala terhadap penggunaan kamera badan semasa bertugas di lapangan (Semakan secara mingguan (penggunaan kamera badan 70% dari kekuatan anggota di lapangan).	Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	2022-2025
PT6.	Melaksanakan pemantauan penggunaan <i>walkie-talkie</i> semasa operasi penguatkuasaan.	Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	2022-2025
PT7.	Memastikan jadual pemusnahan maklumat penguatkuasaan sentiasa dikemaskini setiap bulan.	Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	2022-2025
PT8.	Melaksanakan dua (2) kali setahun latihan/ program <i>Enforcement Learning Center</i> untuk kakitangan beruniform (berkonsepkan pengukuhan integriti bagi kakitangan beruniform).	Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	2022-2025
PT9.	Membuat penambahbaikan tambahan SOP dan proses kerja penguatkuasaan dan pelesenan sekali setahun.	Jabatan yang menjalankan tugas penguatkuasaan (JPKP, JPP, JKB, JK, JPSPPA, JP)	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT10.	Membuat pemantauan bagi proses kerja yang melibatkan tugas-tugas penguatkuasaan dan pelesenan di lapangan sekali setahun.	Jabatan yang menjalankan tugas penguatkuasaan (JPKP, JPP, JKB, JK, JPSPPA, JP)	2022-2025
PT11.	Melaksanakan kaedah <i>check & balance</i> melibatkan pegawai daripada bahagian lain sekali setahun.	Jabatan yang menjalankan tugas penguatkuasaan (JPKP, JPP, JKB, JK, JPSPPA, JP)	2022-2025
PT12.	Melaksanakan program sekali setahun mengenai Kesedaran di peringkat jabatan.	(JPKP, JPPPU)	2022-2025
PT13.	Menjalankan semakan audit <i>trail log</i> sistem e-lesen jika terdapat keraguan terhadap kelulusan lesen.	Unit Teknologi Maklumat	2022-2025
PT14.	Membuat pemeriksaan bersepada bagi kategori lesen berisiko untuk setiap permohonan.	Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan	2022-2025
PT15.	Memastikan tindakan kompaun dikenakan secara adil dan saksama ke atas orang awam/ pemilik/ peniaga premis yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang kecil yang termaktub dibawah punca kuasa Majlis.	Jabatan yang menjalankan tugas penguatkuasaan (JPKP, JPP, JP, JKB, JK, JPSPPA, OSHE)	2022-2025

4. BIDANG KEUTAMAAN 4: PEMBANGUNAN

STRATEGI	S4	Mempertingkatkan keberkesanan dan kejujuran dalam pengelolaan dan pelaksanaan pembangunan projek/ program
OBJEKTIF STRATEGI	OS4	Memperkasa dan meningkatkan amalan integriti dalam pengurusan pembangunan projek/ program yang berkualiti

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT1.	Membuat semakan mengejut dan audit dalaman jabatan berkaitan pengurusan projek atau program.	Unit Audit Dalam	2022-2025
PT2.	Melaksanakan sistem <i>check & balance</i> (Perlaksanaan dan pemantauan proses yang melibatkan beberapa bahagian bermula dari awal proses sehingga tamat) (<i>Notice to Correct</i>) dan tuntutan oleh kontraktor.	(JPP, JKB, JK, JPSPPA, JL)	2022-2025
PT3.	Melaksanakan program kesedaran pengurusan projek yang telus di peringkat Jabatan.	Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan	2022-2025
PT4.	Membuat semakan fail secara mengejut mengenai proses kelulusan pelan pembangunan.	Unit Audit Dalam	2022-2025
PT5.	Membuat penggiliran kerja setiap tiga (3) tahun sekali secara pentadbiran antara unit yang menguruskan projek.	Semua Jabatan yang menjalankan projek atau program (JPP, JKB, JK, JPSPPA)	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT6.	Melaksanakan <i>retreat</i> jabatan secara tahunan berkaitan penambahbaikan pengurusan projek (penilaian, pengesahan kerja dan pelarasan projek).	Jabatan Kejuruteraan	2022-2025
PT7.	Memastikan pemakluman anggaran harga setiap projek yang dilaksanakan kepada Bahagian Perolehan selepas tender/ sebutharga ditutup.	(JPP, JKB, JK, JPSPPA, JL)	2022-2025
PT8.	Membuat pemantauan dan penyeliaan secara berkala terhadap proses penyediaan Surat Pelantikan Pegawai Tapak untuk setiap projek yang dilaksanakan.	Semua Jabatan yang menjalankan projek atau program (JPP, JKB, JK, JL)	2022-2025
PT9.	Menyenaraihitam kontraktor yang telah ditamatkan kontrak daripada memperoleh kontrak daripada MBPJ.	Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan	2022-2025
PT10.	Membuat penilaian teknikal dan prestasi kontraktor oleh pihak yang melaksanakan bidang dan kepakaran yang sama di setiap Jabatan yang melaksanakan projek.	Semua Jabatan yang menjalankan projek atau program (JPP, JKB, JK, JPSPPA, JL)	2022-2025
PT11.	Mengadakan mesyuarat dan menyelia terhadap kerja-kerja kontraktor mengikut jadual yang ditetapkan dalam projek setiap bulan sekali.	Semua Jabatan yang menjalankan projek atau program (JPP, JKB, JK, BPSKA, JPSPPA, JL)	2022-2025

BIL	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
PT12.	Melaksanakan pembahagian melibatkan empat orang dalam satu proses kerja pengurusan tempahan awam.	(JPP, BPSKA, BKKSP)	2022-2025
PT13.	Melaksanakan semakan audit dalaman tahunan ke atas pengurusan tempahan awam dan jemputan persembahan kebudayaan.	(UAD, BPSKA, BKKSP)	2022-2025
PT14.	Melaksanakan pemantauan melalui CCTV berkenaan pelaksanaan aktiviti berdasar permohonan tempahan awam dan jemputan persembahan kebudayaan yang dibenarkan sahaja.	Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial dan Pelancongan	2022-2025
PT15.	Menyenaraihitam syarikat keselamatan yang membenarkan aktiviti dijalankan tanpa membuat pemeriksaan resit bayaran dan butiran tempahan awam.	Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial dan Pelancongan / Bahagian Pembangunan Sukan dan Kemudahan Awam.	2022-2025



© UNIT INTEGRITI
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2023



Talian Am

03-7956 3544



Faks

03-7958 1494



Talian Hotline Aduan

03-7954 2020



E-Mel

aduan@mbpj.gov.my

BAB 4

Tadbir Urus OACP MBPJ



4.1 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Unit Integriti MBPJ bertindak sebagai urusetia penyelaras Pelan Anti Rasuah (OACP) MBPJ dan bekerjasama dengan Jawatankuasa OACP MBPJ dalam prosedur pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP MBPJ secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP MBPJ akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP MBPJ melalui Unit Integriti sebanyak tiga (3) kali setahun untuk dikemukakan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) apabila berkeperluan dan terdapat perubahan pada OACP tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) PSUK memainkan peranan yang penting sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP MBPJ seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional. Oleh itu, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada semua pihak terutamanya pihak pengurusan tertinggi, warga kerja MBPJ dan pihak berkepentingan adalah penting bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah (OACP) MBPJ.

BAB 5

Penutup





Kami warga MBPJ beriltizam penuh menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah selaras dengan Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP). Pelan Pencegahan Rasuah (OACP) MBPJ yang dibangunkan mengandungi pelbagai inisiatif yang akan dilaksanakan dalam usaha membentuk warga MBPJ yang berperibadi terpuji, berintegriti dan bebas rasuah. Pelaksanaan semua inisiatif yang digubal ini akan dipantau dan disemak atau diselenggara secara berkala, iaitu secara tahunan dari masa ke semasa untuk kelestarian keberkesanan OACP tersebut. Justeru, kerjasama dan komitmen berterusan daripada semua warga kerja MBPJ amat diperlukan bagi memastikan matlamatnya tercapai selaras dengan visi OACP MBPJ iaitu “Menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah”.

Glosari

GLOSARI

BIL.	SINGKATAN	JABATAN / UNIT
1	UI	UNIT INTEGRITI
2	UAD	AUDIT DALAM
3	JKB	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
4	JK	JABATAN KEJURUTERAAN
5	JPSPPA	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AM
6	JPKP	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN
7	JPP	JABATAN PERANCANG PEMBANGUNAN
8	JP	JABATAN PENGUATKUASAAN
9	JPPPUP	JABATAN PELESENAN, PEMBANGUNAN, PERNIAGAAN DAN USAHAWAN
10	OSHE	UNIT KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR
11	JL	JABATAN LANSKAP
12	JPM	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
13	BKKSP	BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, SOSIAL DAN PELANCONGAN
14	BPSKA	BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN DAN KEMUDAHAN
15	PCAW	PEJABAT CAWANGAN
16	BPAB	BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BEKALAN
17	BEP	JABATAN PERBENDAHARAAN
18	BPSKA	BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN DAN KEMUDAHAN AM
19	BSI	BAHAGIAN SUMBER ILMU
20	BP	BAHAGIAN PEROLEHAN

BLANK

INSIDE COVER



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
 مجلس بندراءي بتالنج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.